

06 OCT 2000

MAHATHIR-PROJEK

PROJEK DI M'SIA DIBINA UNTUK PENUHI KEPERLUAN MASA DEPAN, KATA DR

MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata projek-projek prasarana Malaysia dikendalikan bagi memenuhi keperluan di masa akan datang dan bukanlah sesuatu yang membazirkan.

"Di Malaysia, kami melabur untuk masa depan. Kami tidak melabur untuk keperluan segera. Jika kami melakukan sesuatu, kami melakukannya demi masa depan negara," kata beliau dalam satu temubual dengan Financial Times London yang disiarkan semalam.

Beliau berkata projek-projek yang dikendali oleh kerajaan ada fungsinya dan negara perlu meminjam bagi membiayai projek-projek ini.

"Contohnya, untuk membina sebuah lapangan terbang baru, kami melihat 100 tahun dari sekarang. Dengan mengandaikan para penumpang mungkin meningkat kepada 100 juta, kami perlukan sebuah lapangan terbang yang besar untuk menampung jumlah ini.

"Jadi, kami telah memperuntukkan 25,000 ekar tanah untuk lapangan terbang baru. Pada masa ini, kami mempunyai kemudahan untuk menampung 25 juta penumpang," kata beliau dengan merujuk kepada Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang.

Beliau menolak persepsi yang mengatakan kerajaan telah membelanjakan wang yang terlalu banyak untuk projek KLIA.

Beliau berkata kos pembinaan lapangan terbang itu ialah RM9 bilion, dan dengan kadar pertukaran yang lama iaitu RM2.50 untuk satu dolar AS, ia hanyalah kira-kira AS\$3.5 bilion.

Tetapi, beliau berkata lapangan terbang Hong Kong (Chek Lap Kok) dibina dengan kos AS\$20 bilion dan ianya lebih kecil berbanding dengan KLIA.

"Jadi bagaimana anda boleh panggil ia sebuah projek besar? Ia sebuah projek yang penting dengan harga yang amat rendah. Dan, jika kami membinanya sekarang ataupun lewat sedikit, ia akan melibatkan kos yang lebih tinggi," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata pandangan yang sama turut dilemparkan kepada semua projek di dalam negara.

Beliau berkata: "Setengah orang memanggilnya projek mega, satu gelaran yang dicipta oleh orang lain. Bagi kami, ia bukanlah mega. Ia sesuatu yang diperlukan. Kami tidak meminjam daripada sesiapa untuk membina projek-projek ini.

"Mereka terus mengatakan 'ah, ini projek-projek mega'. Sebenarnya, mega adalah satu yang komparatif. Kalau anda membelanja ke atas sesuatu yang di luar kemampuan anda, ya, ianya sesuatu yang membazirkan.

"Tetapi, kami membelanjakan wang untuk sesuatu yang kami mampu dan amat diperlukan."

Dr Mahathir berkata wang itu diperolehi secara dalaman dan ia telah membantu memberangsangkan ekonomi negara. -- BERNAMA

MFJ KTC AA OS